

# Kerajaan setuju tubuh dua akademi sukan

Oleh SHAHRIL NIZAM ABDULLAH  
shahril.nizam@kosmo.com.my

**DALAM** usaha memperkasakan Industri Sukan di negara ini, kerajaan bersetuju untuk menubuhkan dua akademi sukan baru khusus untuk golongan belia.

Pada mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan di Putrajaya semalam, cadangan untuk membina Akademi Belia Golf dan Akademi Kemahiran Belia Sukan Bermotor akhirnya mendapat 'lampu hijau' daripada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ahmad Shabery Cheek berkata, Akademi Belia Golf akan ditubuhkan di Kelab Golf Perkhidmatan Awam Malaysia (KGPA) manakala Akademi Kemahiran Belia Sukan Bermotoran pula bertempat di Litar Antarabangsa Sepang (SIC).

"Cadangan penubuhan Akademi Belia Golf ini diputuskan atas beberapa pandangan, antaranya ialah berdasarkan keperluan memenuhi permintaan kerjaya kedi di kalangan belia tempatan bagi mengatasi isu warga asing.

"Akademi ini juga menggunakan modul latihan yang standard dengan kerjasama persatuan kelab golf dan diiktiraf



**MUHYIDDIN** mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan di Putrajaya semalam.

pada peringkat antarabangsa.

"Kelab-kelab golf di negara ini juga boleh menggunakan khidmat kedi-kedi yang memiliki sijil daripada akademi tersebut pada masa akan datang, sekali gus mengelakkan pengaliran keluar kedi terlatih ini dari dalam negara," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Akademi Kemahiran Belia Sukan Bermotor dijangka dapat menarik golongan remaja yang tidak berpeluang meneruskan pengajian ke institusi pengajian tinggi menceburinya, sekali gus mampu membendung gejala 'mat rempit' dan lumba haram di Malaysia.

"Begitupun, fokus utama akademi ini bukan melahirkan pe-

mandu dan pelumba negara sahaja, namun lebih kepada memperbanyakkan lagi khidmat kepakaran dari segi mekanikal dan teknikal perlumbaan," jelasnya.

Sebanyak RM57 juta bakal disuntik bagi melaksanakan program dua akademi itu dalam tiga fasa (3 tahun) bermula dengan Rancangan Malaysia Ke-10.

Dalam perkembangan lain, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan semalam turut memberi persetujuan mengenai cadangan penganjuran Sukan Malaysia (Sukma) pada setiap tahun bermula 2011 dan mengurangkan umur kepada 21 tahun.

Begitupun, bagi meringankan beban kerajaan negeri yang menganjurkannya, temasya itu akan diadakan secara bergilir-gilir.

"Pada tahun genap, Sukma akan diadakan di negeri-negeri mengikut giliran manakala pada tahun ganjil, temasya ini akan dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara di Kompleks Sukan Negara dan kemudahan di sekitar Kuala Lumpur.

"Bilangan acara dan jenis sukan pada temasya itu juga akan ditentukan oleh Majlis Sukan Malaysia (MASUMA) dengan setiap sukan masih perlu dikelolakan dua tahun sekali," katanya.

## Sukan Masum: UiTM tambah koleksi emas

**UNIVERSITI** Teknologi Mara (UiTM) terus mengungguli pungutan pingat emas dalam acara taekwondo pada temasya Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) Fasa II semalam, lapor **NORZASRUDIN MOHAMMED NOR**.

Pada aksi di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan itu, UiTM mengutip dua lagi pingat emas masing-masing menerusi Mohd.

Zaimudin Mohd. Azudin dalam kategori *flyweight* dan Nasirewan Najimi (*welterweight*).

Setakat ini, UiTM telah mengumpul tujuh pingat emas, satu (perak) dan dua (gangsa) manakala Universiti Malaysia Sabah (UMS) di tempat kedua dengan empat emas, satu perak dan tiga gangsa.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UAIM) terus mem-

buktikan kehebatan mereka dalam acara futsal lelaki apabila melangkah ke separuh akhir.

Pada aksi suku akhir di Sports Planet Kajang, Selangor semalam, UIAM selaku juara bertahan membelasah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 5-0.

Pada aksi separuh akhir petang ini, UIAM akan bertemu Universiti Malaya (UM) yang menewaskan Universiti Pendidikan

Sultan Idris 3-1 menerusi penentuan sepakan penalti selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2 pada waktu permainan sebenar.

Saingan separuh akhir acara futsal wanita pula menyaksikan pertemuan antara UiTM menentang Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) bertemu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



**SUKAN MASUM FASA II**  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
23-30 MEI 2010

[www.masum.org.my](http://www.masum.org.my)

### Jadual Pertandingan

#### HARI INI

##### **BOLA BALING (LELAKI/WANITA)**

Venue: Kompleks Sukan USIM, Nilai, N. Sembilan  
Masa: 8 pagi - 5 petang

##### **BOLA KERANJANG (LELAKI/WANITA)**

Venue: Stadium Tertutup Nilai, N. Sembilan  
Masa: 8.30 pagi - 7 malam

##### **BOLING PADANG**

Venue: Kompleks Boling Padang, Seremban 2, N. Sembilan  
Masa: 9.30 pagi - 5 petang

##### **CATUR**

Venue: Bilik Kuliah Sederhana, USIM, Nilai, N. Sembilan  
Masa: 9.00 pagi - 12 tengah hari

##### **FUTSAL (LELAKI/WANITA)**

Venue: Sports Planet Kajang, Selangor  
Masa: 3 petang - 6 petang

##### **KRIKET (LELAKI)**

Venue: Bayuemas Oval, Klang, Selangor  
Masa: 10 pagi

##### **PENCAK SILAT**

Venue: Dewan Gemilang UKM, Selangor  
Masa: 8 pagi - 11 malam

##### **TAEKWONDO**

Venue: Stadium Tertutup Nilai, N. Sembilan  
Masa: 8 pagi - 6 petang